

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.10.2014

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pengesahan sama ada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenakan ke atas penjualan petrol dan diesel kepada orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Bajet 2015, Kerajaan bersetuju supaya jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan

LPG diberikan pelepasan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasaran yang dikenakan tidak perlu membayar GST bagi pembelian petrol RON95, diesel dan LPG.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 OKTOBER 2014
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD
[KUALA TERENGGANU]

SOALAN :-

Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan memandangkan fasa pertama pembinaan Pasar Baru Cabang Tiga, Kuala Terengganu jelas melanggar garis panduan Kementerian mengikut jawapan Kementerian Kesihatan Parlimen pada sesi awal 2014, adakah fasa kedua pembinaan tersebut yang melibatkan pembinaan jenis bangunan yang sama akan dihentikan melalui 'stop work order' dari Kementerian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Pasar Baru Cabang Tiga (PBCT) sebenarnya adalah projek Lembaga Tabung Amanah Warisan di bawah Kerajaan Negeri Terengganu. Proses **kelulusan projek dan penguatkuasaan** pula berada di bawah **tanggungjawab dan bidang kuasa penuh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)**.

Berdasarkan maklumat yang diterima Kementerian daripada MBKT, fasa pertama projek pembinaan PBCT telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa “*One Stop Center*” (OSC) dan telah diluluskan dengan syarat pada 2 Jun 2010. Kelulusan pelan bangunan telah dikeluarkan pada 21 Jun 2011 setelah semua syarat jabatan teknikal yang berkaitan seperti Jabatan Kesihatan Daerah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran dipatuhi.

Pihak MBKT juga memaklumkan tiada '*stop work order*' yang akan dikenakan oleh pihaknya memandangkan projek tersebut telah diluluskan oleh Majlis secara keseluruhannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 14 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sebabnya projek pembinaan Hospital Umum Sri Aman terbengkalai walaupun ia telah dijanji oleh Perdana Menteri dalam tahun 2011 bahawa ia akan disiapkan pada hujung tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Hospital Sri Aman telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) di atas tapak seluas 50 ekar di Mukim Undup, Bahagian Sri Aman. Tapak projek yang dicadangkan berpaya dan memerlukan rawatan tanah yang *extensive* dan memerlukan masa yang agak panjang.

Sehubungan itu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) memutuskan projek ini dilaksanakan dalam dua (2) fasa. **Fasa I** projek pembinaan Hospital Sri Aman melibatkan kerja-kerja tanah yang berjumlah RM11.5 juta telah siap dan perakuan siap kerja dikemukakan oleh JKR kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 29 November 2013.

Fasa II pula melibatkan kerja-kerja pembinaan hospital termasuk kuarters kelas D (2 unit), kuarters kelas- F (8 unit) dan kuarters kelas-G (8 unit). Kos bagi kerja-kerja pembinaan hospital ini telah pun diluluskan oleh KKM dan kerja-kerja pembinaan dijadualkan dapat dimulakan pada pertengahan tahun 2015 dan dijangka siap pada tahun 2018.